

<b>Headline</b>	<b>Utamakan kehijauan di Kuala Lumpur</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>08 Oct 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Letters</b>	<b>Circulation</b>	<b>192,982</b>
<b>Page No</b>	<b>30</b>	<b>Readership</b>	<b>1,521,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>278 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 4,857</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 14,571</b>



**DBKL**

# Utamakan kehijauan di Kuala Lumpur

Ketika Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang merancang memperbaikkan penanaman pokok di kawasan bandar demi menjaga kepentingan alam sekitar kita, langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan program penanaman pokok dibimbing melalui prosedur jagaan dan cara memangkas yang betul serta diiringi dengan penyelenggaraan yang sempurna.

Dalam hubungan ini DBKL perlu bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk mendalami pengetahuan lengkap mengenai penyelenggaraan pokok dan landskap yang sesuai.

## Cabaran jaga pokok di bandar

Amat tepat sekali apa yang dikata oleh FRIM bahawa ia adalah sesuatu yang amat mencabar untuk menjaga pokok di dalam persekitaran bandar, tidak seperti di hutan. Pokok di bandar terdedah kepada unsur yang tidak semula jadi seperti di pedalaman.

Di dalam landskap perbandaran, pokok bukan saja terdedah kepada pencemaran udara daripada pelbagai sumber serta pencabulan oleh manusia, malah terpaksa menghadapi tekanan ruang yang terhad untuk pertumbuhan.

Saya mendapati banyak pokok di bandar kita yang tidak sesuai dengan persekitaran. Ada yang mengalami penyakit, masalah anai-anai, akar pokok membonjol keluar yang mengakibatkan retakan dan rekaan kepada bahu jalan serta menyebabkan jalan tidak rata dan sebagainya.

Pokok perlu dicantas dengan betul untuk memastikan cabangnya tumbuh dengan sihat dan sempurna. Tatacara mencantas pokok juga perlu dititikberatkan dengan menggunakan teknik dan prosedur yang betul supaya tidak merosakkan, mencacatkan maupun membunuh pokok itu.

Amat menyediakan sekali apabila rata-rata kita dapat melihat pokok yang menjadi cacat bentuknya, malah banyak yang terus mati selepas dicantas sewenang-wenangnya di Kuala Lumpur.

Mencantas pokok juga perlu supaya ia tidak menghalang papan tanda jalan raya. Apa yang dikesali ialah apabila didapati papan tanda jalan di Kuala Lumpur hari ini sebahagiannya, malah ada yang terlindung terus oleh cabang atau daham pokok yang mengakibatkan kesusahan kepada pengguna jalan raya untuk mencari arah jalan.

Secara umumnya saya melihat penjagaan pokok dan program penyelenggaraannya

masih jauh daripada apa yang dihajati.

## Tingkat program memangkas pokok

DBKL perlu meningkatkan program memangkas pokok untuk membuang cabang atau daham yang mati yang boleh menimbulkan bahaya kepada orang ramai serta ber kemungkinan patah ketika ribut yang akan menyebabkan halangan jalan raya.

Adalah disarankan supaya DBKL menyediakan peruntu kan yang lebih besar untuk program penanaman dan pe nyelenggaraan pokok supaya penduduk bandar mendapat manfaatnya.

Kita memerlukan lebih banyak pokok untuk menghirup udara segar dan menikmati kehijauan alam sekitar kita, oleh yang demikian kita perlu mempunyai sistem rawatan ekologi yang betul supaya kita dapat terus mengekalkan persekitaran yang hijau untuk generasi masa kini dan masa depan.

DBKL perlu menyediakan prosedur tetap untuk memastikan bahawa pokok yang perlu ditebang kerana projek infrastruktur atau pembangunan mesti ditanam semula atau digantikan oleh kontraktor di tapak yang sesuai apabila projek telah siap. Jika penebangan adalah jalan terakhir yang terpaksa diambil

maka penggantian dengan mengambil kira saiz pokok yang di tebang haruslah di berikan perhatian serius.

Jenis pokok yang dipilih untuk dijadikan landskap juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Pokok jenis Tekoma daripada keluarga Bignoniaceae Gens-Tabebuia, malah dikenali sebagai sakura di Jepun adalah contoh pokok yang sesuai. Ia akan menghasilkan bunga yang pelbagai warna dan menghasilkan pe mandangan yang sangat cantik malah ia boleh menjadi tarikan pelancong.

**Tan Sri Lee Lam Thye  
Kuala Lumpur**

“

*Adalah disarankan supaya DBKL menyediakan peruntu kan yang lebih besar untuk program penanaman dan penyelenggaraan pokok supaya penduduk bandar mendapat manfaatnya”*